

ULANGKAJI TINGKATAN 5

BAB 3 : MATEMATIK PENGGUNA (PERCUKAIAN)

NAMA GURU:

SUBJEK: MATEMATIK

NAMA PELAJAR:

KELAS:

SOALAN 1

Antara pernyataan berikut, yang manakah adalah **tidak benar** tentang percukaian?

*Which of the following statements is **not correct** about taxation?*

A Satu proses memungut hasil daripada individu atau syarikat

A process of collecting revenue from individuals or companies

B Semua cukai yang dipungut adalah berdasarkan pada akta kerajaan

All taxes are collected based on the government acts

C Percukaian ialah satu sumber pendapatan utama bagi kerajaan

Taxation is a main source of government revenue

D Hanya individu dengan pendapatan yang sangat tinggi dikehendaki membayar cukai pendapatan

Only people with very high income have to pay income tax

SOALAN 2

Pendapatan tahunan Hafizi pada tahun 2020 ialah RM110 200. Dia menderma RM680 kepada sebuah badan kebajikan yang diluluskan oleh kerajaan. Dia telah membayar zakat berjumlah RM410 pada tahun itu. Jadual di bawah menunjukkan pelepasan cukai yang dituntut oleh Hafizi.

Hafizi's annual income in 2020 is RM110 200. He donated RM680 to a government-approved charity

organisation. He had paid a zakat of RM410 in that year. The table below shows the tax reliefs claimed

by Hafizi.

Pelepasan Cukai Tax relief	Amaun Amount (RM)
Individu / Individual	9 000
Skim Simpanan Pendidikan Nasional National Education Savings Scheme	6 000
Insurans hayat dan KWSP Life insurance and EPF	5 500
Gaya hidup Life style	1 200

Hitung pendapatan bercukai Hafizi bagi tahun 2020.

Calculate Hafizi's chargeable income for 2020.

A RM86 040

C RM87 410

B RM86 520

D RM87 820

SOALAN 3

Antara pasangan berikut, yang manakah adalah **benar**?

Which of the following pairs is **correct**?

	Cukai Tax	Agen pemungut Collecting agent
A	Cukai tanah Quit rent	Pejabat Tanah Negeri State Land Office
B	Cukai jualan dan perkhidmatan Sales and services tax	Lembaga Hasil Dalam Negeri Inland Revenue Board
C	Cukai jalan Road tax	Jabatan Kastam Diraja Malaysia Royal Malaysian Customs Department
D	Cukai pendapatan Income tax	Jabatan Pengangkutan Jalan Road Transport Department

SOALAN 4

Antara perbelanjaan berikut, yang manakah **tidak** ditanggung oleh cukai pintu?

Which of the following expenses is **not** covered by property assessment tax?

A Kutipan sampah /Rubbish collection

B Membina sekolah Building school

C Membersihkan longkang

Drain cleaning

D Menguruskan taman awam

Maintains public park

SOALAN 5

Pak Hamzah tidak membayar cukai tanah bagi ladang kelapa sawitnya selama 5 tahun. Nyatakan akibat bagi pengelakan cukai itu.

Pak Hamzah did not pay quit rent of his oil palm plantations for 5 years. State the consequence of his tax evasion.

A Dikompoun RM5 000 /Compound of RM5 000

B Tanah itu akan dirampas/ The land will be seized

C Didenda 100 kali cukai biasa /Fine 100 times of the normal tax

D Hartanahnya yang lain boleh dirampas/ His other properties can be seized

Jawab soalan 6,7 dan 8 berdasarkan jadual di bawah.

Answer question 6, 7 and 8 based on the table below.

Bayaran pendapatan bercukai Chargeable income (RM)	Pengiraan Calculation (RM)	Kadar Rate (%)	Cukai Tax (RM)
0 – 5000	5 000 pertama/first	0	0
5001 – 20000	5000 pertama/first 15 000 berikutnya/next	1	150
20001 – 35000	20000 pertama/first 15000 berikutnya/next	3	450
35001 – 50000	35000 pertama/first 15000 berikutnya/next	8	1200
50001 – 70000	50000 pertama/first 20000 berikutnya/next	14	2800
70001 - 100000	70000 pertama/first 30000 berikutnya/next	21	6300
100001 - 250000	100000 pertama/first 150000berikutnya/next	24	10900 36000
250001 - 400000	250000 pertama/first 150000 berikutnya/next	24.5	46900 36750
400001 - 600000	400000 pertama/first 200000 berikutnya/next	25	83650 50000
600001 - 1000000	600000 pertama/first 400000 berikutnya/next	26	133650 104000
1000001 - 2000000	1000000 pertama/first 1000000 berikutnya/next	28	237650 280000
Melebihi/ Exceeding 2000000	2000000 pertama/first Setiap ringgit berikutnya Next every ringgit	30	517650 ...

SOALAN 6

Jumlah pendapatan tahunan Alex termasuk elaun ialah RM98 500. Elaun sebanyak RM3 360 adalah dikecualikan daripada cukai. Dia telah menderma RM550 kepada sebuah pusat dialisis. Jumlah pelepasan cukai yang lain ialah RM24 800. Hitung pendapatan bercukai bagi Alex.

The total annual income including allowances of Alex is RM98 500. The allowances of RM3 360 are tax exempted. He has donated RM550 to a dialysis centre. The total other tax relief is RM24 800. Calculate Alex's chargeable income.

- A RM68 240 C RM73 700
B RM69 790 D RM76510

SOALAN 7

Swee Hoe mempunyai pendapatan bercukai sebanyak RM62 835 pada tahun 2020. Hitung cukai pendapatan yang perlu dibayar oleh Swee Hoe pada tahun itu.

Swee Hoe had a chargeable income of RM62 835 in 2020. Calculate the income tax payable by Swee Hoe in that year.

- A RM3 596.90 C RM7 193.80
B RM4 485.20 D RM8 796.90

SOALAN 8

William mempunyai pendapatan bercukai sebanyak RM34 200 pada tahun 2020. Hitung cukai pendapatan yang perlu dibayar oleh William pada tahun itu.

William had a chargeable income of RM34 200 in 2020. Calculate the income tax payable by William in that year.

- A RM156 C RM226
B RM176 D RM576

Jawab soalan 9 berdasarkan jadual di bawah.

Answer question 9 based on the table below.

Kapasiti enjin <i>Engine capacity</i>	Kadar cukai jalan SEMENANJUNG <i>Road tax rates PENINSULAR</i>	
	Kadar asas <i>Base rate</i>	Kadar Progresif <i>Progressive rate</i>
1000 cc ke bawah/below	RM 20.00	-
1001-1200 cc	RM 55.00	-
1201-1400 cc	RM 70.00	-
1401-1600 cc	RM 90.00	-
1601-1800 cc	RM 200.00	RM 0.40 untuk setiap perbezaan cc berbanding 1600 cc <i>RM 0.40 for each cc exceeding 1600 cc</i>
1801-2000 cc	RM 280.00	RM 0.50 untuk setiap perbezaan cc berbanding 1800 cc <i>RM 0.50 for each cc exceeding 1800 cc</i>
2001-2500 cc	RM 380.00	RM 1.00 untuk setiap perbezaan cc berbanding 2000 cc <i>RM 1.00 for each cc exceeding 2000 cc</i>
2501-3000 cc	RM 880.00	RM 2.50 untuk setiap perbezaan cc berbanding 2500 cc <i>RM 2.50 for each cc exceeding 2500 cc</i>

SOALAN 9

Rahmat mempunyai sebuah kereta persendirian di Perak, dengan kapasiti enjin 1 780 cc. Hitung cukai jalan bagi keretanya.

Rahmat has a private car in Perak, with engine capacity of 1 780 cc. Calculate the road tax for his car.

- A RM162 C RM272
B RM252 D RM712

Jawab soalan 10 berdasarkan jadual di bawah.

Answer question 10 based on the table below.

Kapasiti enjin Engine capacity	Kadar cukai jalan SABAH & SARAWAK Road tax rates SABAH & SARAWAK	
	Kadar asas Base rate	Kadar Progresif Progressive rate
1000 cc ke bawah/below	RM 20.00	-
1001-1200 cc	RM 44.00	-
1201-1400 cc	RM 56.00	-
1401-1600 cc	RM 72.00	-
1601-1800 cc	RM 160.00	RM 0.32 untuk setiap perbezaan cc berbanding 1600 cc RM 0.32 for each cc exceeding 1600 cc
1801-2000 cc	RM 224.00	RM 0.25 untuk setiap perbezaan cc berbanding 1800 cc RM 0.25 for each cc exceeding 1800 cc
2001-2500 cc	RM 274.00	RM 0.50 untuk setiap perbezaan cc berbanding 2000 cc RM 0.50 for each cc exceeding 2000 cc
2501-3000 cc	RM 524.00	RM 1.00 untuk setiap perbezaan cc berbanding 2500 cc RM 1.00 for each cc exceeding 2500 cc

SOALAN 10

Bernice mempunyai dua buah kereta persendirian di Sabah, masing-masing dengan kapasiti enjin 1 210 cc dan 1 998 cc. Hitung jumlah cukai jalan bagi kedua-dua kereta itu.

Bernice has two private cars in Sabah, with engine capacity of 1210 cc and 1998 cc respectively. Calculate the total road tax for both of her cars.

- A RM329.50 C RM409.50
B RM359.80 D RM449.00

SOALAN 11

Mastura memiliki sebuah banglo di Bandaraya Seremban. Nilai tahunannya ialah RM8 420 dan kadar cukai pintu ialah 6.5%. Hitung cukai pintu yang perlu dibayar kepada Majlis Bandaraya Seremban bagi setiap setengah tahun.

Mastura owns a bungalow in Seremban City. Its annual value is RM8 420 and the property assessment tax rate is 6.5%. Calculate the property assessment tax payable to Seremban City Council for each half year.

- A RM203.55 C RM402.40
B RM273.65 D RM547.30

SOALAN 12

Hamdan memiliki sebuah rumah dengan keluasan tanah 540 m². Kadar cukai tanah yang dikenakan ialah RM0.41 setiap meter persegi. Hitung cukai tanah tahunan yang dibayar oleh Hamdan.

Hamdan owns a house with a land area of 540 m². The quit rent rate is RM0.41 per square metre. Calculate the annual quit rent payable by Hamdan.

- A RM110.70 C RM201.60
B RM166.05 D RM221.40

